



**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

***PEMIKIRAN AWANG SARIYAN DALAM PEMERKASAAN BAHASA  
MELAYU***

**SITI MAHANI BINTI ANGTERIAN**

**FBMK 2016 80**



**PEMIKIRAN AWANG SARIYAN DALAM PEMERKASAAN BAHASA  
MELAYU**

Oleh

**SITI MAHANI BINTI ANGTERIAN**

Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra  
Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sastera

**Ogos 2016**

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk teks tanpa had, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersial daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersial bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



## **DEDIKASI**

Alhamdulillah Ya Rabbi  
SyukurkepadaMu  
Atasujian dalammenyiapkan tugas an ini  
Akhirnya menghasilkan hikmah yang tidak ternilai  
Hanya dengan anizin MU

Buat abah yang jauh di sana  
Angterian Bin Sairi yang kucintai  
Bondaku Rosmah Binti Misman disayangi  
Dengan restu dan pengorbananmu  
Berpenat lelah mendidik dan mencurah ilmu  
Aku gigih menjadi kebanggaanmu  
Sebagai balasan jasamu

Buat saudara kandungku yang sering memberi sokongan  
Mohd Hasni, Mohd Sahid, Siti Syahidah, Nurul Shuhadah & Muhamad Fahkri  
Kata-kata semangat kalian tetap ku semat di ingatan  
Sebagai teman untukku teruskan perjuangan

Buat teman-temanku  
Nabillah, Nur A'mirah, Nur Hafizah, Siti Nur Atikaf  
Siti Nurul A'in, Nur Syifa Auliya  
Kalian hadir tika akumemerlukan  
Membantu aku dikala aku kejatuhan  
Ketika aku resah dengan ujian tuhan

Buat penyelia yang disanjungi  
Prof Madya Dr. Raja Masittah Raja Ariffin  
Didikanmu sangat bernilai bagiku  
Tiap butir ilmu yang dibicarakan  
Umpama butir bintang yang sukar untuk digapai  
Menerangi perjalananku hingga ke akhirnya  
Memberi inspirasi kepadaku untuk terus berjaya  
Buat pensyarah yang kuhormati  
Prof Madya Dr. Che Ibrahim Salleh

Ilmu yang dicurah sangat berharga  
Seperti intan yang sukar dimiliki.

*Setulus kasih dari hati yang suci ini  
Ku doa dan pohon semoga Allah limpahkan rahmat kepada semua.*



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sastera

**PEMIKIRAN AWANG SARIYAN DALAM PEMERKASAAN BAHASA  
MELAYU**

Oleh

**SITI MAHANI BINTI ANGTERIAN**

**Ogos 2016**

**Pengerusi : Profesor Madya Raja Masittah Raja Ariffin, PhD**  
**Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi**

Kajian ini adalah berkaitan dengan Pemikiran Awang Sariyan dalam Pemerkasaan Bahasa Melayu. Kajian ini dilakukan kerana kebanyakkan kajian pemikiran lebih menjurus kepada tokoh agama dan politik, yang banyak memainkan peranan dalam pembangunan Negara tanpa menyedari bahawa pemikiran tokoh bahasa juga memberikan sumbangan yang besar kepada negara. Tokoh dalam kedua-dua bidang ini juga menjadi tumpuan kerana idea dan pandangan yang disumbangkan dilihat kritis dan kreatif. Namun begitu, ini tidak bermakna idea Awang Sariyan dalam bidang bahasa tidak bersifat kritis dan kreatif. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti jenis pemikiran dan membincangkan unsur pemikiran kritis dan kreatif Awang Sariyan yang lebih menonjol dalam usaha untuk memperkasakan bahasa Melayu. Data dianalisis menggunakan Prinsip Pemikiran Kritis dan Kreatif yang diperkenalkan oleh Mohd. Azhar Abd. Hamid. Data ini juga di analisis secara kualitatif melalui kaedah temu bual dengan mengemukakan satu set soalan kepada tokoh dan menganalisis kandungan makalah, jurnal, buku serta laman blog rasmi Awang Sariyan. Kajian ini diharap dapat memberikan kesedaran kepada masyarakat tentang kepentingan pemerkasaan bahasa Melayu. Selain itu juga dapat melahirkan golongan remaja yang lebih mengenali tokoh akademik berbanding tokoh hiburan serta menambah maklumat sedia ada berkaitan dengan tokoh akademik untuk pengetahuan generasi muda akan datang. Berdasarkan hasil kajian ini, terbukti pemikiran Awang Sariyan bersifat kritis konstruktif, iaitu setiap kritikan disertakan dengan cadangan yang boleh dilaksanakan untuk menyelesaikan sesuatu isu itu. Pandangan yang dilontarkan juga memperlihatkan semangat juangnya sebagai ahli bahasa yang tegas menentang perkara yang menyalahi peraturan bahasa Melayu tanpa bersifat prejudis dan mengira pangkat mereka.

Abstract of thesis presented to the Senate of University Putra Malaysia in fulfillment of  
the requirement for the degree of Master of Arts

**AWANG SARIYAN'S THOUGHT IN ENHANCEMENT OF MALAY  
LANGUAGE**

By

**SITI MAHANI BINTI ANGTERIAN**

**August 2016**

**Chairman : Associate Profesor Raja Masittah Raja Ariffin, PhD**  
**Faculty : Modern Languages and Communication**

This study is based on Awang Sariyan's idea towards the enhancing of Malay language. This study was carried regarding of numerous of study on ideas which were more focusing on famous religious figures and politicians which mostly contributes to the development of the country without looking at any person who should be looked at as a figure as he contributed a lot in language, which actually indeed contributed largely on the development of the country. These two notable person had received huge attention from the people as their ideas were seen as critical and creative. However, this doesn't mean that the idea of Awang Sariyan in the area of language studies were not critical and creative. Therefore, this study was conducted to identify the idea of Awang Sariyan that prominent in his works which critical and creative's thought on his efforts to the enhancing of Malay language. The analysis data will be using the principals of critical and creative thinking which was introduced by Mohd. Azhar Abd. Hamid. This data also will be analysed in qualitative through out the interview with Awang Sariyan and will be analyzing all content of study papers, journals, books, as well as blog site of Awang Sariyan. This study will be expected to give a clear insight to the youngsters to get to know more about the scholars besides the entertainment artist as well as to gives extra knowledge about the scholars to the future generation. Based on the findings of this study, it is proved that the idea of Awang Sariyan are critical constructive, defining that every criticism were included with proposition which can be applied in order to solve a certain issue. Every views that had been given shows the fighting spirit as a linguist which strictly againsts with all matters that infringed the rules of language without prejudice and social status.

## **PENGHARGAAN**

### **Dengan Nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang**

Alhamdulillah syukur atas limpah kurnia-Nya, dapat juga saya menyiapkan tugas ini. Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam menyiapkan kertas penyelidikan ilmiah, iaitu tesis.

Sekalung terima kasih diucapkan kepada Prof Madya Dr. Raja Masittah Raja Ariffin selaku penelia Projek yang banyak memberi bimbingan dan nasihat sepanjang proses menyiapkan penyelidikan ini. Setiap tunjuk ajar dan ilmu yang diberikan bagi menghasilkan penulisan yang baik dan betul serta mengikut format yang telah ditetapkan oleh pihak universiti amat saya hargai. Beliau juga sanggup meluangkan masa untuk berbincang dengan menyemak hasil kerja saya dan memberi komen-komen serta nasihat yang berguna untuk saya menyiapkan penyelidikan ini. Kerjasama serta ketekunan yang ditunjukkan olehnya sangat dihargai.

Saya juga mengucapkan sekalung pernghargaan kepada Prof Madya Dr. Che Ibrahim Salleh selaku ahli jawatankuasa dalam penyelidikan ini. Setiap nasihat, cadangan serta kerjasama yang diberikan dalam penyelidikan ini amat saya hargai. Tidak dilupakan juga kepada rakan-rakan yang banyak memberikan semangat, nasihat serta tunjuk ajar semasa proses penyelidikan dilakukan. Jasa yang kalian curahkan sangat bernilai. Pengorbanan yang ditunjukkan memberikan makna yang sukar diungkapkan.

Kepada keluarga yang disayangi yang tidak jemu memberikan sokongan dan dorongan secara fizikal dan mental sangat saya sanjungi. Bantuan yang dihulurkan sedikit sebanyak memberi semangat untuk menyiapkan penulisan ini dengan baik dan sempurna. Segala nasihat yang diberikan sentiasa melekat diminda agar terus berusaha dengan lebih tekun lagi dan mencapai kejayaan yang bukan sahaja boleh membanggakan nama keluarga malah menaikkan imej fakulti.

Akhir kata, saya juga mengucapkan ribuan terima kasih kepada tokoh bahasa yang menjadi tumpuan kajian saya, iaitu Dato' Dr Haji Awang Sariyan. Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada beliau kerana sudi meluangkan masanya dalam sesi temu bual yang telah diadakan pada Julai 2015 yang lepas. Kerjasama serta layanan baik daripada Dato', Allah S.W.t sahaja yang dapat membalasnya.

### **BERILMU BERBAKTI**

Siti Mahani Binti Angterian  
GS 39288

Saya mengesahkan bahawa satu Jawatankuasa Peperiksaan Tesis telah berjumpa pada 16 Ogos 2016 untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi Siti Mahani binti Angterian bagi menilai tesis beliau yang bertajuk “Pemikiran Awang Sariyan dalam Pemeriksaan Bahasa Melayu” mengikut Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan Perlembagaan Universiti Putra Malaysia [P.U.(A) 106] 15 Mac 1998. Jawatankuasa tersebut telah memperakarkan bahawa calon ini layak dianugerahi ijazah Master Sastera

Ahli Jawatankuasa Peperiksaan Tesis adalah seperti berikut:

**Adi Yasran bin Abdul Aziz, PhD**  
Profesor Madya  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Pengerusi)

**Jama'yah binti Zakaria, PhD**  
Pensyarah Kanan  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Pemeriksa Dalam)

**Siti Saniah binti Abu Bakar, PhD**  
Profesor Madya  
Universiti Pendidikan Sultan Idris  
Malaysia  
(Pemeriksa Luar)



---

**NOR AINI AB. SHUKOR, PhD**  
Profesor dan Timbalan Dekan  
Sekolah Pengajian Siswazah  
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 3 November 2016

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk Ijazah Master Sastera. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

**Raja Masittah Raja Ariffin, PhD**

Profesor Madya

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia

(Pengerusi)

**Che Ibrahim Salleh, PhD**

Profesor Madya

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia

(Ahli)

---

**BUJANG BIN KIM HUAT, PhD**

Profesor dan Dekan

Sekolah Pengajian Siswazah

Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

## **Perakuan Pelajar Siswazah**

Saya mengakui bahawa:

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau institusi lain;
- hak milik intelek dan hak cipta tesis adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosoding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat tu pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis ini telah diimbaskan dengan perisian pengesahan plagiat.

Tandatangan: \_\_\_\_\_

Tarikh: \_\_\_\_\_

Nama dan No. Matrik: Siti Mahani Binti Angterian (GS39288)

**Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan:**

Dengan ini, diperakukan bahawa;

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan : \_\_\_\_\_

Nama Pengerusi

Jawatankuasa

Penyeliaan : Prof. Madya Dr. Raja Masittah Raja Ariffin

Tandatangan : \_\_\_\_\_

Nama Ahli

Jawatankuasa

Penyeliaan : Prof Madya Dr. Che Ibrahim Salleh

## JADUAL KANDUNGAN

	<b>Halaman</b>
<b>ABSTRAK</b>	i
<b>ABSTRACT</b>	ii
<b>PENGHARGAAN</b>	iii
<b>PENGESAHAN</b>	iv
<b>PERAKUAN</b>	vi
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	x
 <b>BAB</b>	
<b>I PENDAHULUAN</b>	
Latar belakang Kajian	1
Pernyataan Masalah	4
Persoalan Kajian	6
Objektif Kajian	6
Kepentingan Kajian	6
Skop Kajian	8
Definisi Operasional	9
<b>II SOROTAN KAJIAN</b>	
Pengenalan	14
Sorotan Kajian Barat	14
Sorotan Kajian Tempatan	16
Kesimpulan	22
<b>III METODOLOGI</b>	
Pengenalan	23
Reka Bentuk Kajian	23
Kerangka Teori	23
Elemen Prinsip Pemikiran Kritis	24
Elemen Prinsip Pemikiran Kreatif	25
Kerangka Konsepsi	27
Tatacara kajian	28
Alat Kajian	28
Penganalisisan Data	28
Kesimpulan	29
<b>IV ANALISIS DAN PERBINCANGAN</b>	
Pengenalan	30
Jenis Pemikiran Awang Sariyan	30
Elemen Pemikiran Kritis Awang Sariyan	34
PPSMI (Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris)	36
Budaya Berbahasa Melayu	40
Media Penyiaran	43

Elemen Pemikiran Kreatif Awang Sariyan	46
Audit Bahasa (ABM)	47
Pengajaran Tatabahasa	51
Khazanah Persuratan Melayu	54
Implikasi Dapatan Kajian	59
<b>V RUMUSAN DAN CADANGAN</b>	
Rumusan	60
Cadangan	61
<b>BIBLIOGRAFI</b>	63
<b>LAMPIRAN</b>	73
<b>BIODATA PELAJAR</b>	96

## **SENARAI SINGKATAN**

BM	Bahasa Melayu
BMT	Bahasa Melayu Tinggi
DBP	Dewan Bahasa dan Pustaka
KP	Ketua Pengarah
AS	Datuk Dr. Haji Awang Sariyan
PPSMI	Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris
ABM	Audit Bahasa Melayu
MBMMBI	Memperkasakan Bahasa Melayu dan Memperkuuh Bahasa Inggeris
UTM	Universiti Teknologi Malaysia
P&P	Pengajaran dan Pembelajaran
UPSR	Ujian Pencapaian Sekolah Rendah
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
BERNAMA	Berita Nasional Malaysia
IPT	Institusi Pengajian Tinggi
IPTS	Institusi Pendidikan Tinggi Swasta
GAPENA	Gabungan Penulis Nasional
MABBIM	Majlis Bahasa Brunei Darussalam, Indonesia, Malaysia
2P	Penggabung jalin dan Penyerapan

## BAB I

### PENDAHULUAN

#### Latar Belakang Kajian

Secara umumnya, setiap manusia mempunyai pemikiran yang berbeza, yang lahir daripada pandangan serta pendapat yang berbeza. Akal manusia menjadi medan utama bagi semua bentuk aktiviti berfikir manusia. Oleh itu, berpunca daripada akal akan wujudnya pelbagai bentuk pemikiran manusia (Azhar Wahid, 2003:9). Hal ini demikian kerana akal dihubungkan dengan pemikiran. Berdasarkan *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2013), akal membawa erti fikiran, budi, daya upaya, ikhtiar, muslihat dan tipu daya. Kalimat berakal pula dertiarkan sebagai mempunyai akal (fikiran), cerdik (berfikir) dan pandai mencari akal (ikhtiar). Perbezaan dan kepelbagaian pemikiran memberikan peluang kepada masyarakat untuk sentiasa berfikir dan bukan untuk menimbulkan pertelagahan antara satu sama lain. Akal yang menjadi punca wujudnya segala pemikiran, lazimnya dikaitkan dengan sifat intelektual seseorang manusia. Sifat intelek itulah dikaitkan dengan segala bentuk dan ragam fikiran dalam pelbagai jenis karya.

Asas yang membentuk pemikiran adalah tanggapan atau disebut sebagai persepsi. Dengan lebih jelas, tanggapan sebagai cara manusia melihat dunia di sekeliling mereka (De Bono, 2000). Beliau juga menjelaskan bahawa tanggapan terdiri daripada suatu sistem generatif dan hasilnya melahirkan banyak kemungkinan, yang mungkin pada mulanya tidak pernah wujud sama sekali. Berdasarkan pandangan tokoh tentang pemikiran ini, jelas menunjukkan bahawa pemikiran merupakan satu bentuk persepsi, tanggapan atau pandangan manusia tentang sesuatu perkara atau situasi yang berlaku di persekitaran mereka. Hasil daripada pandangan dan tanggapan yang dilakukan ini, lahinya kemungkinan yang berbentuk pendapat atau penyelesaian dalam sesuatu situasi tersebut, yang dilihat belum pernah terfikir oleh orang lain. Kenyataan ini juga berhubung kait dengan kajian pemikiran tokoh bahasa kerana kajian ini bertujuan untuk melihat pandangan dan tanggapan tokoh bahasa tentang isu bahasa yang dilontarkan melalui bentuk penulisan. Makna pemikiran yang dijelaskan oleh De Bono ini juga dapat dikaitkan dengan makna pemikiran yang dilontarkan oleh Ezzah Afifah dan Che Ibrahim Salleh.

Bagi Ezzah Afifah dan Che Ibrahim Salleh (2015), pemikiran boleh ditakrifkan sebagai pengumpulan pelbagai tanggapan dan proses penyusunan idea dengan sistematik, seterusnya mencari hubungan antara idea tersebut sebelum membuat kesimpulan.

Pemikiran menurut Socrates seperti yang tercatat dalam buku De Bono (2000), tidak perlu melontarkan idea dan pemikiran membina. Baginya, lebih baik memberikan kritikan dan membuktikan perkara yang sememangnya salah dan tidak benar. Socrates menegaskan bahawa penentangan serta kritikan terhadap perkara yang tidak benar ini lama-kelamaan membantu masyarakat menemui kebenarannya. Manakala, pemikiran menurut Plato ialah kebenaran boleh ditemui dan dibuktikan melalui pemikiran secara logik. Baginya, kebenaran itu boleh dibuktikan jika kita berusaha mencarinya. Definisi pemikiran yang diketengahkan oleh Plato ini turut dijelaskan dalam karya De Bono pada tahun 2000.

Jaafar Rahim (2012) menjelaskan bahawa pemikiran merupakan hasil daripada sesuatu yang difikirkan, iaitu idea. Pemikiran juga dapat diungkapkan sebagai ideologi, iaitu hasil daripada sistem berfikir yang dibentuk oleh seseorang, sama ada seseorang itu ialah seorang pemikir, ahli falsafah atau sarjana, dan pemikiran tersebut menjadi pandangan dunia dan pegangan seseorang dalam kehidupan mereka.

Mohd Aizat (2011:65) telah menjelaskan pemikiran yang dikemukakan oleh Barlett (1958), Costa (1985) dan Pressiesen (1987) yang menegaskan bahawa seseorang individu itu sebenarnya meneruskan sesuatu usaha, hasil daripada pemikiran individu terdahulu atau pemikiran orang lain sebelumnya. Pendapat tersebut selari dengan pendapat yang dikemukakan oleh (Karl Mannheim, 1991). Beliau menjelaskan bahawa pemikiran yang dikemukakan oleh seseorang individu itu bukan hadir daripada pemikirannya sendiri, tetapi seseorang individu itu mengulas lebih mendalam tentang pemikiran yang telah diperkenalkan oleh pengkaji terdahulu.

Hal ini berbeza dengan pendapat yang telah diketengahkan oleh Kamarudin yang tercatat dalam Mohd Aizat, (2011: 64). Namun, masih saling bertautan dengan pendapat yang dikemukakan oleh pengkaji lain tentang pemikiran. Bagi Kamarudin, pemikiran adalah usaha menghubungkan idea melalui penyusunannya, yang dilakukan secara teratur dan saling bertautan. Perkara ini melibatkan usaha membuat kesimpulan, menemukan hubungan tersembunyi (sentiasa mencari maklumat baru dan dikaitkan dengan maklumat yang diperoleh sebelumnya), menstrukturkan kembali konsep dan idea serta mengatur idea ke arah satu susunan bagi mendapatkan pengertian baharu daripada maklumat yang sedia ada.

Berdasarkan pengertian pemikiran yang telah dikemukakan oleh beberapa pengkaji, dapat disimpulkan bahawa pemikiran merupakan satu bentuk tanggapan dunia mahupun paradigma, iaitu perubahan daripada satu situasi atau lingkungan fikiran yang lama kepada satu lingkungan fikiran yang baru. Setiap tanggapan dan pemikiran tersebut berbeza-beza bergantung kepada pemikirnya. Perbezaan pemikiran ini juga dapat dikenal pasti melalui karya ilmiah dan bentuk ucapan seseorang. Hasil daripada itu, masyarakat dapat melihat wujudnya pemikiran dan pelbagai jenisnya.

Pemikiran terdiri daripada pelbagai jenis. Antara yang menjadi perhatian ialah pemikiran kreatif, yang dijelaskan sebagai tahap keupayaan individu menggunakan mindanya untuk menghasilkan pelbagai kaedah bagi menyelesaikan sesuatu masalah. Penyelesaian sesuatu masalah dilakukan dengan cara individu itu sendiri dan tidak bergantung kepada peraturan yang telah ditetapkan oleh individu lain sebelum ini. Kesannya, individu tersebut akan menghasilkan sesuatu kaedah yang baru, dan asli dalam pelbagai bentuk sama ada bersifat maujud, abstrak, idea atau gagasan. Pemikiran kritis pula ialah pemikiran yang merujuk kepada kebolehan individu menganalisis dan menilai idea, data atau maklumat. Pemikiran ini memerlukan pengalaman dan pengetahuan yang sangat luas serta mempunyai banyak maklumat tentang sesuatu perkara yang hendak dihujahkan. Individu yang memiliki pemikiran ini akan berfikir secara teliti, berkebolehan membuat pengamatan yang tajam, selain cekap menganalisis dan menyimpulkan rumusan serta bersifat terbuka dan objektif.

Bagi pemikiran dengan sengaja atau spontan (deliberate thinking) pula, pemikiran ini mementingkan empat aspek, iaitu dilakukan dengan sengaja, mempunyai tumpuan yang tinggi, berkeyakinan dan keseronokan. Pandangan yang diberikan dengan sengaja ini bermaksud pandangan dan idea tersebut boleh digunakan dalam kesemua bidang

dan tidak tertumpu kepada satu bidang sahaja. Pemikir ini juga perlu memberikan tumpuan yang tinggi dalam membuat pertimbangan dan keputusan yang muktamad tanpa wujudnya pandangan yang bersifat emosi. Keyakinan juga merupakan salah satu unsur penting dalam jenis pemikiran ini kerana pemikir memberikan pandangan tanpa perlu membuktikan pandangan yang dilontarkan benar dan pandangan individu lain salah atau sebaliknya. Pemikir juga bersedia untuk menerima pandangan yang dilontarkan oleh individu lain tentang sesuatu perkara atau isu tersebut. Aspek yang terakhir ialah berfikir dengan cara yang menyeronokkan. Ini bermakna, pemikir berfikir tentang sesuatu perkara tanpa rasa tekanan dan bebanan. Mereka berfikir dengan cara yang berbeza-beza tentang sesuatu perkara dan memikirkan jalan penyelesaiannya. Pandangan yang dikongsikan juga boleh mewujudkan spekulasi dalam kalangan masyarakat dan bersifat menyeronokkan, iaitu berfikir bukan hanya ketika menghadapi masalah.

Lazimnya, kajian yang berkaitan dengan pemikiran bukanlah sesuatu yang asing dalam bidang akademik. Namun, kajian pemikiran ini perlu diperluas, terutama yang berkaitan dengan tokoh bahasa dan linguistik Melayu. Hal ini demikian kerana kebanyakan pengkaji masa ini lebih cenderung mengkaji pemikiran tokoh-tokoh politik dan tokoh agama seperti kajian yang dilakukan oleh Abdul Mua'ti@Zamri tentang *Pemikiran Tun Mahathir Muhammad* dan *Pemikiran Tuan Guru Nik Aziz* oleh Mohd Aizat serta beberapa kajian oleh pengkaji lain.

Idea atau pemikiran kritis dan kreatif, yang terdapat dalam diri tokoh politik dan tokoh agama lebih banyak mendapat tumpuan serta dikongsikan kepada masyarakat kerana kedua-dua bidang tersebut dilihat lebih banyak menyumbang kepada perkembangan negara. Namun, ini tidak bermakna pemikiran dan idea yang lahir dalam kalangan tokoh bahasa dalam negara perlu diabaikan dan dipandang remeh. Sehubungan dengan itu, kajian yang berkaitan dengan pemikiran tokoh bahasa dan linguistik Melayu sangat penting dan perlu dibahaskan. Hal ini demikian kerana kelahiran tokoh bahasa seperti Asmah Haji Omar, Nik Safiah Karim, Prof Haji Salleh, dan beberapa tokoh bahasa lain, termasuklah Awang Sariyan (AS) memberikan perubahan yang baik terhadap bidang bahasa melalui perjuangan bahasa mereka untuk memastikan bahasa Melayu (BM) diterima dan di kuasai oleh masyarakat Malaysia. Kewujudan tokoh-tokoh ini juga sebagai penyelamat kepada taraf BM sebagai bahasa kebangsaan, bahasa rasmi, dan bahasa ilmu seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Malaysia.

Di Malaysia terdapat ramai tokoh bahasa yang mempunyai semangat yang kuat untuk memperjuangkan BM dalam pelbagai aspek, termasuklah Nik Safiah Karim, Asmah Haji Omar, Abdullah Hassan, Hassan Ahmad, AS dan lain-lain. Dalam kajian ini, pengkaji telah memilih AS, yang merupakan salah seorang tokoh dan pejuang bahasa dan linguistik Melayu yang banyak memberi perubahan kepada perkembangan BM, khususnya setelah dilantik menjadi Ketua Pengarah *Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP)*. Perubahan yang dibawa telah menyedarkan masyarakat terutama golongan bahasa tentang kemampuan AS dalam usaha untuk memartabatkan semula BM. Pelbagai kaedah dan idea telah dilontarkan oleh AS bagi mengisi kekurangan yang dihadapi BM dan usaha serta semangat cinta akan bahasa yang ditunjukkan beliaulah yang menarik perhatian pengkaji untuk memilihnya sebagai tumpuan kajian.

Masyarakat Malaysia juga perlu sedar bahawa perjuangan yang dibawa oleh tokoh bahasa bukan sahaja untuk menentang segala unsur yang boleh mengganggu-gugat kedudukan BM sahaja, malah mereka sentiasa melakukan perancangan bahasa dan

sentiasa mencipta sesuatu yang baru seperti daftar kata baharu dalam BM sejajar dengan perkembangan semasa meliputi semua bidang, khususnya dalam bidang Sains dan Teknologi. Maklumat hasil serapan bahasa asing. Perancangan yang dilakukan oleh tokoh bahasa ini secara tidak langsung dapat menjaga status BM dan memperlihatkan BM yang dinamik, iaitu mampu menerima pembaharuan dan menerbitkan kemajuan dari aspek bahasa. Kehadiran tokoh bahasa juga dapat memberikan kesedaran kepada masyarakat supaya dapat menggunakan BM bukan hanya sebagai bahasa pertuturan atau bahasa pasar, tetapi dapat menggunakan BM aras tinggi dan dapat membezakan penggunaannya mengikut situasi. Oleh itu, bagi memastikan BM diterima oleh masyarakatnya dan dapat dikuasai oleh penuturnya, usaha untuk memperkasakan BM perlu diteruskan supaya BM sentiasa lestari dan terus berkembang seiring dengan perubahan yang berlaku mengikut zaman.

Tidak dapat dinafikan bahawa tokoh-tokoh bahasa gigih merancang pelbagai program serta aktiviti yang sesuai untuk memartabatkan BM, termasuklah AS, yang antaranya sering dikaitkan dengan diri beliau ialah perancangan bahasa. Sebenarnya aspek perancangan BM bukanlah sesuatu usaha yang baru dilaksanakan, malah telah lama diperkenalkan dan dirancang rapi oleh tokoh-tokoh bahasa negara. Menurut AS dalam bukunya yang bertajuk *Ceritera Bahasa* (1994), di Malaysia perancangan BM dianggap telah selesai melalui berbagai-bagai usaha dan rancangan yang telah dijalankan berdekad lamanya. Beliau berkata sedemikian kerana terdapat banyak peristiwa yang dapat menjadi bukti bahawa tanggungjawab untuk memperjuangkan BM seolah-olah telah selesai setelah termaktubnya BM sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi negara. Namun, taraf tersebut kehilangan peranannya dalam urusan rasmi, malah usaha-usaha yang telah lama dirancang ini juga dilihat semakin hari semakin goyah dan mula memperlihatkan kelonggaran serta kemerosotan dari sudut penggunaannya, terutama pada alaf ke-21 ini.

Kelonggaran yang jelas ialah kedudukan BM tergugat setelah perubahan dilakukan dalam Akta Pendidikan 1996, yang memberi kuasa sepenuhnya kepada Menteri Pendidikan untuk membenarkan pengecualian pengajaran BM terhadap institusi pendidikan swasta. Selain itu juga, kemerosotan keputusan yang direkodkan dalam kalangan pelajar setelah Sistem Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris (PPSMI) dilaksanakan juga menarik perhatian AS untuk bertindak agresif demi mempertahankan BM, selain pencapaian dan penguasaan BM yang ditunjukkan oleh penjawat awam yang tidak memuaskan dalam urusan rasmi. Rentetan daripada penggubalan Akta Pendidikan ini dan beberapa isu bahasa yang semakin berleluasa masa ini, usaha pemerkasaan bahasa perlu dilaksanakan melalui cetusan idea yang dilontarkan oleh AS.

Ringkasnya, kajian ini bertujuan untuk mengulas dengan lebih mendalam tentang usaha pemerkasaan BM hasil cetusan pemikiran seorang tokoh di Malaysia, iaitu AS. Kajian ini juga untuk melihat elemen kritis dan kreatif AS dalam menghasilkan idea bernes dalam pemerkasaan BM dan usaha yang dilaksanakan dalam menyelesaikan pelbagai isu bahasa yang sering timbul. Usaha-usaha yang telah dilakukan oleh tokoh bahasa ini juga perlu didehdahkan dan dikongsi untuk tatapan generasi muda akan datang.

Sumbangan AS bukan sedikit dalam bidang bahasa. Beliau sanggup berkorban masa dan tenaga demi memastikan BM tidak diancam dan digugat oleh kewujudan bahasa-bahasa lain, terutamanya bahasa Inggeris. Bahasa Inggeris dilihat menjadi pencabar utama dalam kedudukan BM terutama sebagai bahasa rasmi, bahasa kebangsaan dan

bahasa ilmu di Malaysia. Dalam perlembagaan Malaysia, perkara 152 telah menggariskan bahawa bahasa kebangsaan ialah BM dan perlu ditulis dalam apa-apa juga tulisan sebagaimana yang telah diperuntukkan dengan undang-undang parlimen. Oleh itu, bagi mengekalkan kedudukan BM sejarah dengan perlembagaan Malaysia, usaha pemerkasaan BM sangat penting untuk dibahaskan.

### Pernyataan Masalah

Kajian pemikiran bukan sesuatu yang asing dalam dunia akademik. Seperti yang dinyatakan sebelum ini, pemikiran yang sering dibahaskan kebanyakannya melibatkan pemikiran tokoh politik dan tokoh agama sahaja. Pemikiran tokoh bahasa boleh dikatakan kurang dilakukan oleh para pengkaji. Menurut Mohd Kamil, Rahimin Affandi dan Ridzuan Ahmad (2007), terdapat kecenderungan dalam kalangan sarjana daripada kebanyakan disiplin pengajian memberikan tumpuan kajian mereka tentang tokoh politik dan tokoh agama.

Ahmad Ridza Abdul Rahman (2010), menjelaskan bahawa tokoh agama, iaitu Abu Bakar Hamzah banyak memberikan serta melontarkan idea dan pandangan baru yang dilihat berasal dalam bidang politik Islam. Idea tersebut bukan sahaja dilontarkan, malah turut menjadi pegangan atau di guna pakai dalam kalangan masyarakat hingga hari ini dan membuatkan tokoh politik Islam ini digolongkan sebagai seorang tokoh yang berfikiran kritis dan kreatif. Abu Bakar Hamzah merupakan tokoh politik di Malaysia yang telah menghasilkan karya-karya seperti *Konsep Kepimpinan Ulamak dalam Politik, AL-Imam: Its Role In Malay Society, Ke Arah Perlembagaan Islam* dan sebagainya, yang menonjolkan pandangan yang bersifat kritis. Pandangan ini juga dapat dikaitkan dengan kajian yang dilakukan oleh Alwizar (2015) terhadap tokoh agama, iaitu Al-Ghazali yang dikatakan seorang yang berfikiran asli, kritis dan komunikatif dalam menyampaikan hujah, gagasan dan pandangan dalam karyanya. Kedua-dua tokoh mempunyai kelebihan yang tersendiri dalam melontarkan pandangannya. Di sini membuktikan bahawa kedua-dua tokoh dalam bidang agama dan politik sering mendapat perhatian untuk dijadikan bahan kajian oleh pengkaji daripada pelbagai bidang. Pemikiran tokoh politik dan agama juga telah dikenal pasti jenis pemikirannya, namun pemikiran tokoh bahasa seperti AS belum pernah dikaji dan dikenal pasti jenis pemikirannya.

Kajian kritis telah dijalankan oleh Idris Aman (2003) terhadap tokoh politik dalam karyanya, iaitu *Analisis Wacana Kritis Perutusan Perdana Menteri Dr. Mahathir Mohamad*. Kajian ini memberikan fokus kepada unsur kritis yang terdapat dalam teks ucapan yang disampaikan oleh Mahathir Mohamad dalam aspek orientasi khalayak, ketegasan dan ideologinya sebagai seorang pemimpin negara di Malaysia. Kajian ini membuktikan bahawa kajian pemikiran kritis telah dilaksanakan, namun kajian tersebut tidak berkaitan dengan unsur pemikiran kritis AS dalam karyanya.

Azrina Sobian (2014) pula telah melakukan kajian tentang *Pendidikan, Kreativiti dan Ilmuwan Muslim* yang membincangkan tentang asas pendidikan, iaitu khusus kepada bidang Sains yang diterima oleh ilmuwan Islam yang berjaya meletakkan golongan ini sebagai pemikir yang kreatif dalam bidang agama. Kajian pemikiran kreatif telah dilaksanakan terhadap tokoh agama dan tidak terdapat kajian tentang pemikiran kreatif AS.

Berhubung kait dengan kajian Idris Aman (2003) dan Azrina Sobian (2014) menunjukkan bahawa terdapat kajian kritis dan kreatif tetapi kajian tersebut tidak mempunyai kaitan dengan pemikiran AS yang berunsurkan kritis dan kreatif. Oleh itu, kajian pemikiran tokoh bahasa ini perlu dilaksanakan yang memberikan fokus kepada jenis pemikirannya dan unsur pemikiran yang terdapat dalam idea dan pandangan yang dilontarkan.

Bahagian ini juga boleh dijelaskan secara mikro jenis pemikiran yang dikaji supaya sesuai dengan persoalan kajian di bawah ini.

### **Persoalan Kajian**

Persoalan kajian penting untuk memastikan kajian yang dijalankan tidak terbias dan kekal di dalam skopnya. Selain itu, persoalan kajian membantu pembaca supaya terarah kepada tajuk yang dikaji yang pada akhirnya dapat menjawab objektif kajian, iaitu jenis pemikiran AS, aspek pemikiran kritis dan kreatif AS. Untuk menyempurnakan kajian ini, aspek yang akan dibincangkan dalam persoalan kajian adalah seperti yang berikut:

1. Apakah jenis pemikiran AS yang berkaitan dengan pemerkasaan BM.
2. Apakah aspek Pemikiran AS tentang Pemerksaan BM yang mempunyai unsur Kritis
3. Apakah aspek Pemikiran AS tentang Pemerksaan BM yang mempunyai unsur kreatif.

### **Objektif Kajian**

Matlamat kajian ini dilakukan adalah untuk meneroka jenis dan kecenderungan pemikiran AS dalam aktiviti dan kehidupan beliau yang berkaitan dengan bidang BM, bidang yang diperjuangkannya daripada beliau di bangku sekolah sehingga menjawat jawatan tinggi dalam pentadbiran salah satu organisasi penting di Malaysia. Bagi mendapatkan gambaran rinci pemikiran AS terhadap pemerkasaan BM, disenaraikan tiga objektif seperti yang dinyatakan di bawah.

1. Mengenal pasti jenis pemikiran AS berdasarkan karyanya tentang pemerkasaan BM.
2. Menganalisis elemen Pemikiran kritis AS dalam Pemerksaan BM.
3. Menganalisis elemen Pemikiran kreatif AS dalam Pemerksaan BM.

### **Kepentingan Kajian**

Sebagai seorang tokoh dan pejuang BM yang amat mengambil berat terhadap pemartabatan dan perkembangan BM, pemikiran dan idea berasaskan AS yang pernah dilontarkan perlu dirakamkan. Tujuannya adalah untuk memberi pengajaran dan kesedaran kepada masyarakat, mahupun dalam kalangan kelompok tertentu seperti penjawat awam, pihak swasta, pelbagai etnik dan juga individu tentang pentingnya BM

sebagai bahasa kebangsaan, bahasa rasmi negara, bahasa ilmu di institusi pendidikan dan bahasa komunikasi dalam kalangan warganegara Malaysia.

Seperti yang diketahui umum, Malaysia akan mencapai status sebagai negara maju pada tahun 2020. Dalam usaha untuk mencapai matlamat tersebut, pelbagai usaha telah dirangka dan dilaksanakan dari pelbagai aspek seperti pembangunan, pemberian dalam sistem pendidikan, perkembangan teknologi dan sebagainya. Usaha ini dilakukan untuk memastikan matlamat tersebut tercapai mengikut perancangan yang telah ditetapkan. Namun, matlamat Malaysia ke arah mencapai status negara maju seolah-olah telah menyebabkan bahasa rasmi negara, iaitu BM dilihat seperti tidak lagi menjadi keutamaan dalam semua aspek. Pelaksanaan PPSMI dalam sistem pendidikan negara pada tahun 2001, misalnya menjadi bukti bahawa bahasa Inggeris diberikan keutamaan dan secara tidak langsung telah meletakkan kepentingan BM di tingkat kedua. Oleh sebab itu, untuk membentuk sebuah negara yang maju yang selaras dengan pembangunan dan arus pemodenan serta selari dengan istilah "*Maju bahasa, Majulah bangsa*", rakyat Malaysia seharusnya memberikan penelitian yang sewajarnya terhadap penggunaan BM dalam semua aspek kehidupan. Hal ini demikian kerana untuk mencapai status negara maju seperti yang berlaku di negara-negara luar seperti di China, Korea dan Jepun, bahasa kebangsaan atau bahasa rasmi negara perlu diutamakan dan digunakan sebagai medium utama dalam semua bidang. Demikian juga dalam konteks BM di Malaysia, usaha pemerkasaan BM perlu diperhebat seperti yang telah dicetuskan oleh AS melalui beberapa buah karyanya, supaya BM sebagai bahasa negara sentiasa diberi keutamaan oleh masyarakat penggunanya dalam semua bidang. Oleh hal yang demikian, kajian ini amat penting kepada generasi muda khususnya, dan juga dalam kalangan masyarakat umumnya tentang pentingnya pemerkasaan BM untuk membentuk jati diri bangsa Malaysia melalui BM.

Dari sudut sejarah perkembangan BM, bahasa ini telah digunakan secara meluas, baik di kepulauan Melayu maupun di peringkat antarabangsa. Sejak abad ketujuh lagi, ketika itu BM merupakan *lingua franca*, iaitu bahasa perdagangan. BM juga menjadi bahasa perhubungan atau komunikasi, bahasa antarabangsa, bahasa undang-undang pada zaman Kesultanan Melayu Melaka. Keupayaan dan kemampuan BM sebagai bahasa Melayu Tinggi (BMT) menurut zamannya, mempunyai nilai yang tinggi dan dinamik sesungguhnya tidak dapat disangkal sama sekali. Namun, kini BM seolah-olah kehilangan taring dengan kewujudan pelbagai isu bahasa seperti penggunaan bahasa rojak dalam kalangan pengguna BM. Kajian yang menampilkan pemikiran AS adalah penting kerana beliau memberikan input positif untuk memastikan kedudukan BM sebagai bahasa rasmi negara tidak semakin diabaikan.

Dengan kenyataan di atas, kajian ini sangat penting dilakukan dan dilaksanakan dengan segera agar kewibawaan serta kegemilangan BM yang pernah dicapai pada zaman Kesultanan Melayu Melaka dahulu dapat dikembalikan semula. Pada masa yang sama, kajian ini dapat memberi kesedaran kepada masyarakat dan individu tentang betapa pentingnya BM sebagai bahasa negara yang kebelakangan ini menghadapi pelbagai cabaran. Usaha memperkasakan BM menjadi tanggungjawab semua rakyat Malaysia yang berbilang kaum, iaitu Melayu, Cina, India dan beberapa minoriti etnik yang lain, walaupun setiap kaum atau etnik di negara ini memiliki bahasa tersendiri yang diwarisi sejak turun temurun. Dengan memahami dan menghayati cetusan pemikiran AS melalui kajian ini, diharapkan dapat memupuk perpaduan dan kefahaman antara rakyat Malaysia sebagai bahasa pemersatu. BM mampu memupuk perpaduan dan mengharmonikan perhubungan antara kaum seperti yang dikatakan oleh Talinah Jeman

dan Norazlina Kiram (2010) bahawa salah satu daripada beberapa faktor yang menjadi pemangkin dalam kemajuan negara bangsa ialah *lingua franca*, iaitu bahasa yang dapat dikongsi bersama oleh rakyat dalam perhubungan rasmi dan kehidupan bermasyarakat. Dalam konteks Malaysia, BM merupakan bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi yang menjadi alat perpaduan, merangkap bahasa perhubungan utama dalam kalangan masyarakat. Kenyataan ini jelas menunjukkan bahawa BM sangat penting dan perlu diberi keutamaan dalam setiap aspek kehidupan sehari-hari masyarakat di Malaysia. Pada hakikatnya, kajian ini dapat menyedarkan rakyat Malaysia tanpa mengira bangsa dan agama supaya memahami dan menghayati perkara 152 dalam Perlembagaan Persekutuan bahawa BM sebagai bahasa kebangsaan, bahasa rasmi dan bahasa ilmu. Dengan pemahaman dan penghayatan rakyat Malaysia terhadap BM yang merupakan sebahagian daripada budaya hidup, akan dapat membentuk negara bangsa yang berjaya melalui perpaduan dan seterusnya merealisasikan matlamat wawasan 2020 sebagai negara maju.

Pada era globalisasi hari ini, ada antara rakyat Malaysia yang mempunyai persepsi bahawa BM tidak mempunyai nilai ekonomi dan tidak setaraf dengan kemampuan bahasa Inggeris sebagai bahasa antarabangsa dan bahasa ilmu. Hal ini dapat dilihat melalui syarat yang dikenakan oleh syarikat swasta kepada pohon sesuatu jawatan, iaitu dengan memberikan keutamaan kepada mereka yang berkebolehan berbahasa Inggeris. Syarat ini menjadi salah satu punca rakyat Malaysia kurang memberikan penekanan kepada BM dan sebaliknya memberi fokus kepada penguasaan bahasa Inggeris kerana mereka beranggapan bahawa bahasa Inggeris mampu memberi peluang pekerjaan yang lebih tinggi. Persepsi ini menyamai persepsi rakyat warganegara ini pada zaman kolonial Inggeris dahulu. Walau bagaimanapun, kini negara sudah mencapai kemerdekaan, mempunyai perkembangan sendiri serta sudah pun mencapai perancangan taraf dan perancangan korpus. Dengan situasi yang berlaku pada hari ini, apabila penggunaan BM dipinggirkan berbanding dengan penggunaan bahasa Inggeris, penggunaan BM akan menjadi pupus dan hanya menjadi bahasa pertuturan harian dalam kalangan rakyat Malaysia dan bukan sebagai bahasa ilmu jika tidak dibendung segera. Oleh sebab itu, tindakan sewajarnya perlu dilakukan agar BM diangkat martabatnya oleh penuturnya dan sejajar dengan kedudukannya sebagai bahasa rasmi negara. Kajian ini juga penting untuk memastikan penggunaan BM bukan hanya digunakan sebagai alat pertuturan dalam kehidupan harian, malah merangkumi bidang pentadbiran, undang-undang, perdagangan, dan sebagainya.

## **Skop Kajian**

Tokoh dan pejuang bahasa yang dipilih untuk kajian ini ialah Datuk Dr. Haji Awang Sariyan (AS). Kenyataan yang kerap dikaitkan dengan beliau ialah penggunaan bahasa Inggeris yang bukan sahaja digunakan dalam sistem pendidikan negara, malah melibatkan urusan rasmi dalam perkhidmatan awam seperti mesyuarat, surat rasmi, surat pekeliling dan sebagainya yang menuntut usaha pemerkasaan BM.

Oleh hal yang demikian, kajian ini memberikan tumpuan kepada idea yang diutarakan oleh AS dalam karya-karyanya dalam bentuk buku, makalah dalam jurnal, dan kertas kerja yang membincangkan isu-isu kerancuan bahasa dan usaha pemerkasaan BM. Karya yang dipilih sebagai data atau bahan untuk kajian ini terdiri daripada karya-karyanya terbitan dari tahun 1990-an hingga 2014. Tahun 1990-an merupakan era

baharu dalam pendekatan gerakan bahasa. Pada tahun ini juga kerajaan memberi fokus kepada program dan aktiviti untuk mencapai matlamat pemerkasaan bahasa kebangsaan. Walaupun setelah 58 tahun negara mencapai kemerdekaan dan sudah banyak gerakan untuk memperkasakan BM diadakan, namun proses pemerkasaan bahasa ini hanya mula diperkenalkan secara rasmi pada tahun 1990-an. Atas dasar inilah, karya beliau yang dijadikan data untuk kajian ini dipilih bermula dari tahun 1996, iaitu setelah berlakunya pindaan dalam Akta Pendidikan 1996 yang membenarkan Menteri Pendidikan memberikan pengecualian pengajaran BM kepada sesebuah institusi pendidikan swasta. Pindaan ini secara tidak langsung menjadi punca BM diberi kelonggaran sebagai bahasa pengantar di institusi pendidikan swasta. Oleh itu, karya tokoh akan diteliti daripada tahun 1996 hingga tahun 2014, iaitu sepanjang 18 tahun.

Karya yang dipilih adalah sebanyak 50 karya penulisannya yang terdiri daripada makalah (*Dewan Bahasa, Dewan Budaya, Dewan Masyarakat, Pelita Bahasa*,), Jurnal (*Ujana Minda, Jurnal Dewan Bahasa, Jurnal Bahasa*), Kertas Kerja (*Seminar, Ucap Utama, Prosiding, Bengkel, Konvensyen*) dan buku (*Ceritera Bahasa, Mencari Makna Diri Melayu, Suara Pejuang Bahasa dan Siri Bicara Bahasa*). Karya AS ini dipilih berdasarkan kepada isu-isu yang sering kali mendapat perhatian masyarakat dan menjadi buah bicara rakyat Malaysia sejak tahun 1996 sehingga kini, selain berkaitan dengan pemerkasaan BM. Masyarakat seolah kurang faham isu yang telah berulang kali diperbincangkan dan AS merasakan dirinya bertanggungjawab untuk menjawab setiap persoalan tersebut. Oleh itu, kajian ini hanya memberikan fokus kepada tiga isu bahasa yang besar dan memperlihatkan AS sebagai tokoh bahasa yang melontarkan ideanya dengan berunsurkan elemen kritis dan kreatif.

## Definisi Operasional

### Pemikiran

Menurut *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2013), pemikiran bermaksud perihal berfikir (memikir), iaitu cara menyelesaikan masalah dengan menggunakan gaya imaginasi yang bukan dengan menggunakan logik atau pemikiran yang biasa, tetapi pemikiran yang kritis. Ini bermakna seseorang individu tidak menerima sesuatu perkara dengan mudah tetapi membuat pertimbangan baik dan buruk sesuatu perkara serta bersifat mengkritik sehingga dapat menghasilkan pelbagai pendekatan luar biasa, walaupun idea yang dilontarkan itu kadangkala tidak masuk akal tetapi berkesan dalam menyelesaikan sesuatu masalah.

Pemikiran juga dapat diertikan sebagai satu rancangan yang dilakukan atas tujuan untuk mendapatkan pelbagai pemerhatian dan pertimbangan (consideration), selain harapan (expectation) serta pemikiran yang bersifat saintifik dan falsafah, iaitu pengetahuan tentang ilmu yang tertinggi yang menjadi asas ilmu-ilmu lain. (Azhar Wahid: 2003).

Ishak Ramly (2003) mendefinisikan pemikiran sebagai satu proses minda manusia yang bertujuan untuk mencari makna dan pemahaman sesuatu perkara, menyelesaikan masalah, menetapkan sesuatu keputusan, membuat refleksi dan mengkaji tentang

sesuatu idea atau hujah. Beliau juga menjelaskan bahawa pemikiran ialah proses membina ilmu dan kefahaman yang melibatkan aktiviti mental dalam otak manusia.

Pengertian yang diberikan oleh Ishak Ramly di atas adalah sejajar dengan definisi pemikiran yang diketengahkan oleh Mohd Michael Abdullah (1995). Pemikiran ditakrif sebagai kebolehan manusia atau seseorang untuk mencipta gagasan dan pengertian, berhujah, menilai dan seterusnya membuat keputusan.

Mohd. Azhar Abd. Hamid (2007: 108) menjelaskan pemikiran yang dikemukakan oleh Kamarudin (1989), iaitu usaha untuk menghubungkan idea melalui penyusunannya secara teratur. Usaha ini melibatkan proses dalam membuat kesimpulan, penemuan hubungan-hubungan yang tersembunyi (maklumat baharu dan penting yang belum diketemui), menstrukturkan kembali konsep-konsep, idea dan mengatur semua idea tersebut ke arah satu susunan bagi menghasilkan pengertian yang baharu daripada maklumat yang sedia ada.

Seterusnya, Mohd Aizat Salleh Al-Haffiz (2011) menjelaskan definisi pemikiran yang dikemukakan oleh Barell (1991), iaitu pemikiran sebagai proses mencari makna dan usaha untuk mencapai keputusan yang wajar.

Jika dikaji dengan lebih mendalam, pemikiran dapat dikategorikan kepada beberapa jenis yang lahir daripada individu atau tokoh, dan di sutilah dapat dilihat perbezaan cara pemikiran seseorang tokoh itu. Namun begitu, pemikiran yang dikupas dalam kajian ini berkaitan dengan pemikiran seorang tokoh bahasa dan linguistik Melayu, iaitu AS. Pemikiran yang diketengahkan oleh AS semakin mendapat perhatian masyarakat melalui pelbagai usaha yang dilakukan untuk memperkasakan BM. Cetusan fikiran beliau tentang pemerkasaan BM telah membuka mata masyarakat bukan sahaja dalam kalangan ahli bahasa, malah masyarakat umum yang beranggapan bahawa idea hasil cetusan AS itu telah memberi semangat baru kepada mereka dalam pemantapan dan pemartabatan BM. Pembabitan beliau secara langsung dalam aktiviti kebahasaan serta falsafah yang dibawanya dapat membantu menyelamatkan dan melestarikan kedudukan BM sebagai bahasa rasmi, bahasa kebangsaan dan bahasa ilmu di Malaysia. Oleh hal yang demikian, cetusan fikiran dan usaha yang dilakukan beliau adalah wajar diketahui masyarakat agar mereka sedar akan kepentingan kedudukan BM seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Malaysia. Isu-isu yang melibatkan BM juga dapat diatasi dengan menggiatkan pelbagai kegiatan dan program memperkasakan BM melalui cetusan pemikiran AS.

### **Pemikiran Kritis**

Berdasarkan *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2013) pemikir kritis tidak hanya terus menyetujui sesuatu pandangan atau idea tetapi membuat pertimbangan terlebih dahulu baik buruk sesuatu idea tersebut, selain bersifat mengkritik.

Menurut Mohd. Azhar Abd. Hamid (2001), pemikiran kritis mendukung banyak makna yang sangat mendalam, terperinci, teliti dan sebagainya. Makna pemikiran ini tidak hanya disempitkan dalam lingkungan soal-soal mengkritik sahaja tetapi perlu juga dilihat daripada sudut yang membina dan objektif.

Pendapat yang dikemukakan oleh Mohd. Azhar tentang pemikiran kritis mempunyai sedikit perbezaan dengan Mohd. Michael Abdullah (1995). Mohd Michael Abdullah menjelaskan pemikiran kritis sebagai penggunaan operasi berfikir yang asas untuk proses menganalisis, menilai dan mentafsir sesuatu hujah secara teliti dan terperinci. Selain itu juga, pemikiran kritis dirujuk sebagai pemikiran yang memerlukan pemikirnya membuat pertimbangan baik buruk sesuatu perkara sebelum membuat sebarang keputusan. Pemikiran jenis ini juga sangat mementingkan soal bahasa, fakta dan kesahihan sesuatu hujah tersebut.

Definisi pemikiran kritis menurut Abdullah Hassan dan Ainon Mohd (2005) pula dijelaskan sebagai berfikir secara kritis digunakan bagi mengenal pasti kekhilafan, kekurangan dan kelemahan cara berfikir yang digunakan dalam sesuatu idea atau cadangan. Bagi sarjana barat, iaitu Dewey (1994) yang tercatat dalam Mohd. Azhar Abd. Hamid, pemikiran kritis memerlukan proses berfikir yang serius, iaitu berfikir secara teliti, mendalam dan seterusnya membuat keputusan daripada proses berfikir tersebut.

Secara umumnya, dapat dijelaskan bahawa pemikiran kritis ini menyeru pemikirnya sentiasa teliti dalam sesuatu pandangan dan idea yang diberikan oleh individu lain tanpa menerima secara langsung. Setiap pandangan tersebut akan dinilai kelebihan dan kekurangannya, seterusnya memberikan kritikan atau pandangan serta jalan penyelesaian yang lebih sesuai agar setiap kekurangan tersebut dapat diatasi dengan cara yang lebih rasional. Dalam kajian ini, pengkaji hanya memberikan fokus kepada pemikiran kritis AS dalam pemerkasaan BM dan pandangan beliau dalam menangani isu bahasa di Malaysia berdasarkan persekitaran dan zaman.

### **Pemikiran Kreatif**

*Kamus Dewan Edisi Keempat* (2013), pemikiran kreatif bererti individu yang mempunyai keupayaan mencipta, menghasilkan dan mengembangkan sesuatu idea baru dan bersifat asli serta mempunyai daya kreativiti yang baik.

Bagi Mohd. Azhar Abd. Hamid (2001), pemikiran kreatif ialah kreativiti seseorang individu dalam mewujudkan atau menghasilkan sesuatu yang baru. Berbeza dengan pandangan Abdullah Hassan dan Ainon Mohd (2005). Kedua-dua sarjana ini menjelaskan pemikiran kreatif sebagai keupayaan melahirkan pelbagai idea, strategik, taktik dan kaedah untuk menyelesaikan sesuatu masalah.

Menurut De Bono (1970), kreativiti itu berlaku dalam diri individu tanpa mereka menyadarinya.

Berdasarkan beberapa penelitian definisi di atas, pemikiran kreatif dapat dijelaskan sebagai kreativiti pemikir dalam menghasilkan idea atau cadangan yang baru serta segar yang dapat dihasilkan oleh pemikir. Idea yang dilontarkan bertujuan untuk menyelesaikan sesuatu masalah yang timbul dengan kaedah yang paling rasional dan sesuai. Di sini, pengkaji ingin meneliti pemikiran kreatif yang ditonjolkan oleh AS melalui kaedah yang digunakan dalam menyelesaikan masalah atau isu BM di Malaysia. Kreativiti beliau dalam menangani isu BM yang sering mendapat perhatian masyarakat ini perlu ditonjolkan dan dikongsi kepada masyarakat umum.

## **Pemerkasaan Bahasa Melayu**

Berdasarkan *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2013), pemerkasaan BM bermaksud menjadikan sesuatu bahasa, iaitu BM sebagai bahasa yang hebat, bahasa yang dapat dikategorikan sebagai bahasa unggul, kuat, terkawal, berdaulat dan juga dominan.

Menurut Ismail Deraman (1998), pemerkasaan BM merupakan peningkatan usaha bagi pemahaman dan penghayatan masyarakat terhadap Dasar Bahasa Kebangsaan dan kepentingan terhadap pelaksanaan dasar bahasa tersebut. Peningkatan usaha ini terdiri daripada pembinaan aspek-aspek bahasa yang dapat memperteguh sistem dalaman yang terkandung dalam BM agar dapat digunakan serta dikembangkan dalam pelbagai kehidupan moden kini dan masa hadapan.

Menurut Zurihan Yusof dan Hasnah Mohamad (2010) pula, pemerkasaan BM dijelaskan sebagai sesuatu usaha yang berani serta tindakan jitu yang perlu diambil oleh pihak tertentu untuk memastikan pelaksanaan usaha yang dilaksanakan itu diterima oleh semua kaum tanpa sebarang kompromi, dan tidak menjadikan BM sebagai bahasa kelas kedua di Malaysia.

Berdasarkan huraiyan yang diberikan, pemerkasaan BM dapat dijelaskan sebagai usaha serta tindakan yang dilakukan secara berterusan untuk memantapkan penggunaan BM di Malaysia tanpa mengira bangsa di Malaysia, seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan. Dalam kajian ini, pengertian pemerkasaan BM menyamai matlamat yang terdapat dalam *Kamus Dewan* dengan memberikan tumpuan kepada lontaran idea yang pernah dibuat oleh AS sebagai langkah untuk mengatasi isu dan permasalahan bahasa yang semakin mencabar kedudukan BM kini, dan bagaimana BM dilestarikan penggunaannya di Malaysia. Umum juga mengetahui bahawa AS merupakan antara tokoh yang menentang keras terhadap dasar PPSMI kerana terbukti memberikan kesan yang negatif terhadap sistem pendidikan negara dan dasar Memartabatkan Bahasa Melayu dan Memperkuuh Bahasa Inggeris (MBMMBI) mula diperkenalkan sebagai dasar baru untuk menggantikan PPSMI. Keputusan untuk melaksanakan dasar baru ini merupakan salah satu kaedah yang digunakan untuk memperkasakan BM dengan memberikan keutamaan kepada BM sebagai bahasa pengantar utama di sekolah bagi semua mata pelajaran. Manakala, bahasa Inggeris diterima sebagai nilai tambah ilmu pengetahuan dengan memperkuuhkan penguasaannya melalui peningkatan dari segi kurikulumnya. Usaha dan tindakan memperkasakan BM seperti ini mestilah dilakukan secara berterusan dan beberapa usaha lain serta melibatkan semua pihak, seperti pertubuhan-pertubuhan, sektor awam dan swasta, individu dan lain-lain.

## **Bahasa Melayu**

BM merupakan bahasa yang digunakan oleh masyarakat di Malaysia untuk berkomunikasi satu sama lain. Bersesuaian dengan status BM seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan, iaitu sebagai bahasa kebangsaan, bahasa rasmi negara, sebagai alat komunikasi antara warga, malah sebagai bahasa ilmu apabila menjadi bahasa pengantar di institusi pendidikan. Kedudukan BM sebagai bahasa kebangsaan perlu diiktiraf dan perlu diberi peranan yang penting dalam memupuk

perpaduan dalam kalangan masyarakat di Malaysia tanpa mengira kaum, bangsa dan agama. Kesedaran pihak kerajaan tentang keperluan untuk mewujudkan bahasa kebangsaan sebagai alat komunikasi umum, dan bahasa rasmi negara adalah untuk menyatupadukan rakyat yang berbilang kaum di negara ini. Kenyataan ini sejajar dengan pendapat Awang Had Salleh yang dikemukakan dalam *Laporan Jawatankuasa Mengkaji Penggunaan Bahasa Malaysia (1981)* bahawa walaupun BM dikatakan sebagai bahasa ibunda kepada orang yang berketurunan Melayu, tetapi dalam Perlembagaan Negara yang termaktub dalam Perkara 152 telah memperuntukkan BM menjadi bahasa kebangsaan dan hendaklah digunakan dalam urusan rasmi dalam semua bidang. Jadi, BM telah ditetapkan sebagai bahasa rasmi untuk semua rakyat Malaysia dalam konteks komunikasi atau perhubungan tanpa mengira bangsa dan agama. BM juga menjadi penghubung untuk menyebarkan dan menyalurkan maklumat dalam kehidupan sehari-hari masyarakat di Malaysia.

Dalam sistem pendidikan negara pula, BM telah digunakan sebagai bahasa pengantar dalam sistem pengajaran dan pembelajaran di sekolah, di samping sebagai bahasa pertuturan dalam kalangan anggota masyarakat yang berbeza kaum untuk berkomunikasi satu sama lain. Fungsi BM dalam sistem pendidikan telah dinyatakan dalam Akta Pendidikan 1961, yang merupakan pemberian daripada Penyata Razak 1956 dan Laporan Rahman Talib 1960. Dalam Akta ini, BM berfungsi sebagai bahasa kebangsaan yang menyatukan rakyat, termasuklah pelajar sekolah. Oleh sebab itu, pemilihan BM sebagai bahasa kebangsaan adalah sangat tepat. Hal ini demikian kerana BM merupakan bahasa yang sering atau kerap digunakan oleh majoriti rakyat di Malaysia khususnya bangsa Melayu. Sebagai maklumat tambahan, BM juga telah ditawarkan sebagai kursus minor di beberapa buah universiti di luar negara seperti Britain, Korea, China dan sebagainya. Situasi ini membuktikan keupayaan BM sebagai bahasa ilmu di peringkat antarabangsa.

Dari sudut sejarah pula, Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Musa dan Abdul Hamid Mahmood (2011) merakamkan bahawa BM tergolong dalam cabang bahasa Nusantara, iaitu dalam kelompok keluarga Austronesia. Bahasa ini telah menjadi bahasa perantara daerah Kepulauan Melayu sejak zaman dahulu dan terus berkembang sebagai bahasa perhubungan antara penduduk yang tinggal di Kepulauan Melayu dengan pengembara dan pedagang asing yang datang berdagang di Alam Melayu. BM telah berkembang serta menjadi bahasa yang penting dan bukan sahaja merupakan bahasa perhubungan antara penduduk, malah sebagai bahasa pentadbiran dan persuratan. Situasi ini membuktikan bahawa BM merupakan bahasa yang gemilang dan mampu menjadi bahasa dunia pada suatu ketika dahulu. Namun, kegemilangan BM seolah meniti pengakhirannya sejak kewujudan bahasa Inggeris yang semakin mendominasi BM. Oleh sebab itu, usaha pemerkasaan BM perlu dilakukan demi memperkuuh kedudukan BM sebagai bahasa kebangsaan di Malaysia.

Berdasarkan huraian yang diberikan di atas, ternyata BM merupakan bahasa yang besar dan mempunyai sejarah yang panjang. Pemerksaan BM yang telah wujud sejak zaman dahulu lagi perlu dilestarikan sehingga hari ini walaupun dalam tempoh perkembangannya telah banyak berlaku kerancuan bahasa dan semakin dipinggirkan oleh penggunanya di negara sendiri, terutamanya dalam era globalisasi yang amat mementingkan penggunaan bahasa Inggeris.

## BIBLIOGRAFI

- Abdul Mua'ti @ Zamri Bin Ahmad. (2007). *Pemikiran Tun Dr. Mahathir Mohamad*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Abdul Rahim Bakar & Awang Sariyan. (2005). Ceritera tentang Kejayaan Perancangan Bahasa Melayu di Malaysia. *Suara Pejuang Bahasa*. Kuala Lumpur: Persatuan Linguistik Malaysia. 139-159.
- Abdul Rahim Bakar & Awang Sariyan. (2005). Membitarakan Bahasa Melayu dan Budaya Melayu dalam Konteks Peneguhan Tamadun Negara. *Suara Pejuang Bahasa*. Kuala Lumpur: Persatuan Linguistik Malaysia. 258-275.
- Abdullah Hassan & Ainon Mohd. (1996). *Kemahiran Berfikir Aras Tinggi untuk Institusi Pendidikan Guru dan Universiti*. Utusan Publications & Distribution: Kuala Lumpur.
- Abdullah Hassan & Ainon Mohd. (2005). *Pemikiran Reka Cipta: Kaedah Mengajar dan Bahan Latihan untuk Guru dan Jurulatih*. PTS Publication & Distribution: Kuala Lumpur.
- Ahmad Ridza Abdul Rahman. (2010). *Pemikiran Politik Islam Ustaz Abu Bakar Hamzah*. Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam Universiti Malaya. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Alwizar. (2015). Pemikiran Pendidikan Al-Ghazali. *Jurnal Potensia*. 14(1), 129-149.
- Aminuddin Mansor. (2011). *Memperkasa Bahasa Melayu sebagai Jati Diri Nasional*. Pahang: Dewan Persuratan Melayu Pahang.
- Asmah Haji Omar. (2008). *Karya-karya Za'ba: Perintis dalam Membicarakan Seni Mengarang dan Retorika Melayu*. Seminar Buku Agung dan Karya Perdana dalam Tamadun Islam dan Peradaban Melayu. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Malaysia.
- Asmah Haji Omar. (2014). *Za'ba: Ahli Fikir dan Ahli Bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awang Had Salleh. (1981). *Laporan Jawatankuasa Mengkaji Penggunaan Bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awang Sariyan & Abdullah Hassan. (2012). Isu Martabat Bahasa Melayu, Masalah dan langkah Mendepaninya. *Forum Sofa Putih Institut Terjemahan dan Buku Malaysia*. Anjuran Institut Terjemahan dan Buku Malaysia (ITBM). <http://kembarabahasa.blogspot.my/2012/05/forum-sofa-putih-itbm-di-pesta-buku.html>.

- Awang Sariyan & Abdullah Hassan. (2012). Menggarap Isu Martabat Bahasa Melayu, Masalah dan Langkah Mendepaninya. *Forum Sofa Putih ITBM*. Anjuran Institut Terjemahan dan Buku Malaysia. Kuala Lumpur: Pesta Buku Antarabangsa.
- Awang Sariyan & Kamal Shukri Abdulla Sani. (2002). Kesan Penggunaan Bahasa Inggeris dalam Pengajaran Sains dan Matematik di Institusi Pendidikan di Malaysia. *Kertas Kerja dalam Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu ke VI*. Perak: Universiti Sultan Idris, Tanjung Malim. 828-843.
- Awang Sariyan & Mohd. Thani Ahmad. (1984). Peranan Sastera dalam Pembinaan dan Penyatuan Bahasa Melayu. *Kertas Kerja dalam Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu IV*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. 509-511.
- Awang Sariyan. (1994). Mengisi Erti Taraf Bahasa Melayu. *Ceritera Bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awang Sariyan. (1996a, Januari). Benarkah Tatabahasa Melayu Tidak Mantap. *Pelita Bahasa*, 1(8), Januari. 30-31.
- Awang Sariyan. (1996b, Februari). Pembakuan Bahasa: Hak dan Tanggungjawab Bersama. *Pelita Bahasa*, 2(8), 32-33.
- Awang Sariyan. (1997a, November). Pendekatan Bersepadu Dalam Pendidikan Bahasa Melayu: Apa Khabarnya? *Dewan Masyarakat*, 11(35), 23-25.
- Awang Sariyan. (1997b, November). Bagaimanakah Pengajaran Bahasa Kita kini?. *Dewan Masyarakat*, 11(35), 45-46.
- Awang Sariyan. (1998, Jun). Bagaimanakah Tatabahasa dapat Diajarkan Secara Menarik- Satu Pandangan. *Jurnal Dewan Bahasa*, 6(42), 484-489.
- Awang Sariyan. (2000a, Mac). Pembakuan Bahasa Melayu: Suatu Penjelasan Semula. *Dewan Bahasa*, 3(44), 290 – 305.
- Awang Sariyan. (2000b, April). Sepintas Tentang Sebutan Baku Bahasa Melayu. *Dewan Masyarakat*, 4(38), 36-37.
- Awang Sariyan. (2001a, Mac). Mitos Bahasa. *Dewan Budaya*, 3(23), 8-9.
- Awang Sariyan. (2001b, Mac). Sukarnya Memupuk Budaya Berbahasa Melayu. *Dewan Bahasa*, 3(1), 42-46.
- Awang Sariyan. (2001c, November). Pendidikan Bahasa Asas Pembinaan Tamadun. *Dewan Budaya*, 11(23), 40-41.
- Awang Sariyan. (2002a, April). Ufuk Baharu dalam Kerjasama Bahasa Melayu Serantau. *Dewan Bahasa*, 4(2), 23-28.
- Awang Sariyan. (2002b, Ogos). Penggunaan Bahasa Inggeris untuk Mata Pelajaran Sains dan Matematik: Mengapa patut ditolak? *Dewan Bahasa*, 8(2), 18-21.

- Awang Sariyan. (2002c, Oktober). Ceritera tentang Kejayaan Perancangan Bahasa Melayu di Malaysia. *Dewan Bahasa*, 10(2), 26-33.
- Awang Sariyan. (2003a, April). Isu-isu Asas Penggunaan Bahan Sastera dalam Pengajaran Bahasa. *Jurnal Bahasa*, 4(3), 7-11.
- Awang Sariyan. (2003b). Penerapan Tatabahasa dalam Penghasilan Karya Kreatif. *Kertas Kerja Bengkel Penulisan Kreatif Wilayah Sabah dan Sarawak*. 26 April 2003.
- Awang Sariyan. (2004a, Februari). Memodenkan Pengajaran Bahasa. *Dewan Bahasa*, 2(4), 44-46.
- Awang Sariyan. (2004b, Mei). Mengarap Nasib Bangsa Teras. *Dewan Masyarakat*, 5(42), 23-26.
- Awang Sariyan. (2004c, Julai). Bahasa Rojak Nilai Rasmi Bahasa Kebangsaan Luntur. *Dewan Masyarakat*, 7(42), 8-11.
- Awang Sariyan. (2004d, Julai). Peranan DBP Lebih Tegas dan Jelas. *Dewan Masyarakat*, 7(42), 12-16.
- Awang Sariyan. (2004e, Oktober). Penyerapan Kata Asing dalam Bahasa Melayu. *Dewan Bahasa*, 10(4), 44-48.
- Awang Sariyan. (2004f, November). Pembudayaan Bahasa Melayu. *Dewan Bahasa*, 11(4), 16-19.
- Awang Sariyan. (2004g). Sekitar Isu Bahasa Rojak: Punca, Kesan, dan Kaedah Menanganinya. *Siri Bicara Bahasa*. 18, 1-22.
- Awang Sariyan. (2004h). Penyatuan Bahasa Melayu Serantau. *Prosiding Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu Keempat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awang Sariyan. (2004i). Peranan Sastera dalam Pembinaan dan Penyatuan Bahasa Serantau. *Prosiding Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu Keempat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awang Sariyan. (2005a). Membitarkan Bahasa dan Budaya Melayu dalam Konteks Peneguhan Tamadun Negara. *Suara Pejuang Bahasa*. Kuala Lumpur: Persatuan Linguistik. 258-276.
- Awang Sariyan. (2005b). Memartabatkan Warisan Pendeta Za'ba. *Sumbangan Pemikiran Za'ba dalam Pelanjutan Tradisi Linguistik Melayu*. Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Awang Sariyan. (2005c). Fenomena Bahasa Kacukan: Antara Realiti Sosiolinguistik dengan Idealisme Perancangan Bahasa. *Ucap Utama Seminar Bahasa Kacukan*. Anjuran Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan Universiti Sains Malaysia. 17 September 2005.

- Awang Sariyan. (2006). Memberikan Nafas Baharu kepada Bahasa Melayu/Indonesia dalam Mendepani Era Globalisasi: Upaya daripada Sudut Pengayaan Khazanah Ilmu. *Ujana Minda Jilid 2: Kumpulan Esei Bahasa, Sastera dan Komunikasi*. Petaling Jaya: Sasbadi. 14-29.
- Awang Sariyan. (2007). Bahasa Sebagai Asas Jati Diri Bangsa: Isu, Cabaran, dan Upaya Pelestariannya. *Kertas Kerja Seminar Jati Diri*. Johor Bahru: Anjuran Yayasan Warisan Johor dan Universiti Teknologi Malaysia.
- Awang Sariyan. (2008a, November). Mencari Makna Diri Melayu. *Dewan Budaya*, 9-18.
- Awang Sariyan. (2008b, Disember). Mencari Makna Diri Melayu (Bahagian 2): Cabaran Kepada Bangsa Melayu. *Dewan Budaya*, 18-22.
- Awang Sariyan. (2009a, Januari). Mencari Makna Diri Melayu (Bahagian 3): Kontrak sosial yang kian rapuh. *Dewan Budaya*, 1(31), 23-26.
- Awang Sariyan. (2009b, Mac). Bahasa yang Mengikat Perpaduan. *Dewan Bahasa*, 3(9), 11-14.
- Awang Sariyan. (2009c, Oktober). Bahasa Melayu Asas Kontrak Sosial. *Dewan Bahasa*, 10(9), 6-11.
- Awang Sariyan. (2010a). Kian Rapuhnya Kontrak Sosial yang Berteraskan Melayu. *Mencari Makna Diri Melayu: Ruangan untuk Bangsaku*. Kuala Lumpur: Persatuan Linguistik Malaysia.
- Awang Sariyan. (2010b). Muhasabah dalam Menangani Kemelut Bahasa Melayu. *Klik Web DBP*. Disember 2010.
- Awang Sariyan. (2011a). Peri Pentingnya Penegasan Pelaksanaan Bahasa Kebangsaan dalam Bidang Penyiaran untuk Memperkuat Asas Citra Kebudayaan Kebangsaan. *Kertas Ucap Utama Seminar Bahasa Melayu dalam Penyiaran*. Institut Penerangan dan Penyiaran Tun Abdul Razak: Anjuran Kementerian Penerangan, Kebudayaan dan Komunikasi.
- Awang Sariyan. (2011b). Menilai Kedudukan Bahasa Melayu di Sektor Kerajaan. *Klik Web DBP*. Ogos 2011.
- Awang Sariyan. (2011c). Strategi Pengajaran Bahasa kepada Pelajar Asing: Faktor Pengajar. *Klik Web DBP*. September 2011.
- Awang Sariyan. (2011d). Isu Sistem Bahasa dalam Pendidikan Bahasa Melayu. *Klik DBP*. Oktober 2011.
- Awang Sariyan. (2011e). Kemajuan Bahasa Melayu di Peringkat Kebangsaan dan Antarabangsa- Cabaran dan Pelan Tindakan. *Kertas Kerja Konvensyen Dunia Melayu Dunia Islam (DMDI)*, Melaka dengan tema Dunia Melayu Dunia Islam pada Abad Ke-21. 12-14 Oktober 2011.

- Awang Sariyan. (2012a, Jun). Kemajuan Bahasa Melayu Setengah Abad Mendatang. *Dewan Masyarakat*, 6(50), 28-31.
- Awang Sariyan. (2012b). Kecekapan Berbahasa dan Penghayatan Nilai dalam Pendidikan Abad ke-21. Aspek Nilai sebagai Komponen Teras dalam Pendidikan Bahasa dan Strategi Pengajarannya. *Seminar Bahasa Melayu*. Anjuran Pusat Bahasa Melayu Singapura dan Unit Bahasa Melayu, Bahagian Perancangan dan Pembangunan Kurikulum. Kementerian Pendidikan Singapura.
- Awang Sariyan. (2013a). Program Penerbitan Berpakej. *Klik Web DBP*. November 2013.
- Awang Sariyan. (2013b). Penterjemahan Memperkasakan bahasa Melayu sebagai Bahasa Ilmu. *Dewan Bahasa*. 4-8.
- Awang Sariyan. (2014a, Oktober). Menilai Kedudukan Bahasa Melayu dalam Sektor Kerajaan. *Dewan Bahasa*.
- Awang Sariyan. (2014b). Audit Bahasa Melayu di Sektor Kerajaan. *Dewan Bahasa*, 10. 4-7.
- Awang Sariyan. (2008). Ulasan Pandangan Tun Mahathir Mohamad tentang Pengajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris. *Ruangan Forum Utusan Malaysia*. <http://www.utusan.com.my>.
- Awang Sariyan. <http://kembarabahasa.blogspot.my/2011/09/peri-pentingnya-penegasan-pelaksanaan.html>.
- Azhar Wahid. (2003). *Pemikiran A. Samad Ismail dalam: Ingin Jadi Pujangga*. Tajung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Azrina Sobian. (2014). *Pendidikan, Kreativiti dan Ilmuan Islam*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia:
- Carol A. Turkington. (2000). *The Quotable Woman*. New York: McGraw Hill.
- DBP Anjur Muzakarah Bahasa dan Persuratan 17-18 Mac. (2012, Februari 20). *BERNAMA*. <http://www.bernama.com>.
- Edward De Bono. (1970). *Lateral Thinking: Creativity Step by Step*. New York: Harper & Row.
- Edward De Bono. (1995). *De Bono's Thinking Course*. BBC Books: London.
- Edward De Bono. (1997). *Pemikiran Lateral*. Golden Books: Kuala Lumpur.
- Edward De Bono. (2000). *Belajar Berfikir*. Kuala Lumpur: Golden Books Centre Sdn Bhd.

- Ezzah Afifah Nasrudin dan Che Ibrahim Salleh. (2015). Pemikiran Melayu dalam Cerita Lipur Lara. *Journal of Business and Social Development*, 3(2), 63-79.
- F. Budi Hadirman. (2009). *Demokrasi Deliberatif: Menimbang Negara Hukum dan Ruang Publik dalam Teori Dikursus Jurgen Habermas*. Kanisius: Yogyakarta.
- Gabungan Penulis Nasional (GAPENA). (2012, Februari). Pengamal Bahasa Melayu Sambut Baik. *Utusan Malaysia*. <http://www.utusan.com.my>
- Hashim Musa. (2004). *Pemerkaasan Tamadun Melayu Malaysia Menghadapi Globalisasi Barat*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Hasmadi Said. (2012). *Sumbangan Nik Safiah Karim dalam Linguistik Melayu: Aspek Sebutan dan Tatabahasa Pegangan*. Tesis Master. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Universiti Malaya.
- Haugen, Einar. (1959). Planning for a Standard Language in Modern Norway. *Journal of Anthropological Linguistics*, 1(3), 8-21.
- Idris Aman. (2003). Analisis Wacana Kritis Perutusan Perdana Menteri Dr. Mahathir Mohamad. *Jurnal Bahasa*, 3(1), 48-79.
- Imlan Adabi. (2011, November 19) Perbetulkan Kesilapan Dasar PPSMI Elak Pelajar Terus Jadi Mangsa. *Berita Harian*. <http://www.beritaharian.com.my>.
- Ishak Ramly. (2003). Inilah Kurikulum Sekolah. *Pemikiran dan Kurikulum*. Kuala Lumpur: PTS.
- Ismail Deraman. (1998). *Bahasa Melayu dan Pemerkaasaanya: Dasar Bahasa dan Strategi Pelaksanaannya*. Kertas Kerja dibentangkan di Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu V, Dewan Tun Syed Nasir, anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur pada 2-3 Mei 1998.
- Iwan Shu-Aswad Shuaib. (2012, Februari 21). Ujian Kemampuan Bahasa bagi Pengambilan Pelajar Universiti. *mStar*. <http://www.mStar.com.my>.
- Jaafar Rahim. (2012). *Aksioma*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- John Dewey. (1933). *How We Think*. D.C Heath & company: Boston, New York.
- Kamarudin Hj Husin. (1993). *Penggunaan Psikologi dalam Bilik Darjah*. Petaling Jaya: Longman.
- Kamus Dewan Edisi Keempat*. (2013). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Linguistik*. (1997). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Karl Mannheim. (1991). *Ideologi dan Utopia Menyingkap Kaitan Pikiran dan Politik*. Yogyakarta: Kanisius.

Kerajaan Perlu Tegas Mansuhkan PPSMI: Awang Sariyan. (27 Oktober 2011). *BERNAMA*. <http://www.bernama.com.my>.

Khadijah Mohamad Nor. (2013). *Cabaran Menerbitkan Buku-buku Ilmiah*. Rencana Kosmos. 15/4/2015

Koh Ai Peng. (2014). Seminar Kepustakawan Memperkasakan Inisiatif Khidmat Maklumat Sehenti. *Umexpert dan Pengurusan Penerbitan*. Bahagian Perkhidmatan Perpustakaan Universiti Malaya.

Koh Young Hoon. (1994). *Pemikiran Pramoedya Ananta Toer dalam Novel-novel Mutakhirnya*. Tesis Doktor Falsafah Universiti Malaya. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Ku seman Ku Hussain & Raja Intan Dianna Raja Azaham. (2012. Mac 11). Tegas Melaksanakan Dasar. *Mingguan Malaysia*. <http://www.utusan.com.my>.

Mahani Razali, Ramlah Jantan & Shahabuddin Hashim. (2007). *Psikologi Pendidikan*. Kuala Lumpur: PTS.

Maisarah Hasbullah. (2012). *Respon Pemikir Islam terhadap Modeniti: Wacana Sains Islam sebagai Kajian Kes di Malaysia*. Tesis PhD. Kuala Lumpur: Fakulti Sains Universiti Malaya.

Matzidi Dris. (2012, Februari 16). Cadangan Audit Bahasa: Garis Panduan Hampir Siap, Kemuka kepada Kerajaan Jun. *Berita Harian*. <http://kembarabahasa.blogspot.my/2012/02/cadangan-audit-bahasa.html>.

Melati Mohd Ariff. (2011, Jun 27). Bahasa Melayu: Mengapa Tidak Bangga kepada Bahasa Sendiri. *BERNAMA*. <http://www.bernama.com.my>.

Mhd. Amin Arshad. (2004). Pemerksaan Bahasa Melayu: Senario Pasang Surutnya. *Monograf Bahasa, Sastera, dan Budaya Ilmu : Bahasa Wahana Ilmu*. Serdang: Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, UPM.

Mohamad Saleeh Rahamad. (2011). *Mempertahankan Media Warisan*. “Memperkasakan Mata Pelajaran Bahasa Melayu melalui Penghayatan Kesusteraan”. Universiti Malaya: Kuala Lumpur.

Mohd Aizat Mohd Salleh Al-Hafiz. (2011). *Pemikiran Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat*. (65-131). Kuala Lumpur: PTS Sdn Bhd.

Mohd Azhar Abd. Hamid. (2007). *Jenis-jenis Pemikiran*. Meningkatkan Daya Fikir . Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.

Mohd Isa Abd Razak. (2012). *Kolokium Za'ba Pemikir Ulung (3): Sari Pandangan Dr. Haji Awang Sariyan*. Seremban: Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, Negeri Sembilan.

Mohd Isa Abd Razak. (2012, Mei 30). Semua Bahasa ada Aspek Sebutan Baku. *Berita Televisyen Suria, Singapura*.

- Mohd Kamil Abdul Majid, Rahimin Affandi Abd Rahim & Ridzuan Ahmad. (2007). *Pemikiran Imam Al-Ghazali dalam Bidang Fiqh dan Usul Al-Fiqh*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu.
- Mohd Khairudin Mohd Bolwi. (1998). Jejahan Pensejagatan Menggugat Bahasa dan Jati Diri Melayu. *Jurnal Kemanusiaan*. Jabatan Pembangunan Sumber Manusia: Universiti Teknologi Malaysia, Johor.
- Mohd Michael Abdullah. (1995). *Pemikiran Kritis*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Yusof Hasan. (2004). Pembinaan Paradigma Pemikiran Peradaban Melayu. Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Idris.
- Mohd. Azhar Abd. Hamid. (2001). *Pengenalan Pemikiran Kritis dan Kreatif*. Skudai, Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Nazri Muslim, Zaharah Hassan & Abdul Latif Samian. (2011). Bahasa Melayu dalam Perlembagaan Persekutuan: Kedudukan dan Peranannya dalam Konteks Komunikasi Perpaduan. *International Journal of The Malay World and Civilization*, 29(1), 103-120.
- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Musa & Abdul Hamid Mahmood. (2011). *Tatabahasa Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nordie Achie. (2006). *Pemikiran Za'ba dalam Falsafah Takdir (1932)*. Kota Kinabalu: Universiti Sabah.
- Norfadila Mohd Amir. (2009). *Tahap Penguasaan Bahasa Inggeris sebagai Persediaan untuk Kerjaya dalam Kalangan Pelajar Pendidikan Teknikal dan Kejuruteraan*. Tesis Ijazah Sarjana Muda. Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Nurhafilah Musa. (2007). *Nik Safiah Meniti Dua Zaman*. Kuala Lumpur: Kementerian Kebudayaan, Kesenian, dan Warisan Malaysia.
- Penggunaan bahasa Melayu dalam Urusan Rasmi Jabatan Kerajaan masih belum memuaskan. (2015, Mei 20). *Utusan Melayu*. <http://www.utusan.com.my>.
- Permuafakatan Badan Ilmiah Nasional (Pembina). (2009). *Tahap Kompetensi Guru dalam PPSMI serta Implikasinya terhadap Pembangunan Modal Insan Murid*. Kuala Lumpur.
- Radin Azhar Ahmad. (2007, Julai 19). Pemerkaaan Bahasa Melayu perlu Daya Juang, Komitmen Politik. *Utusan Sarawak*. <http://www.utusansarawak.com.my>.
- Rahman Shaari. (2013). *Seminar Pemikiran-pemikiran Rejab F.I. Sastera dan Makna Pemikiran*. IPG Perlis: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rejab F.I. (2011). *Biografi Tokoh Budaya Negeri Perlis (1)*. Kajian dan Teks Rejab F.I. Kuala Lumpur: Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara.

- Rohani Saharom. (1989). *Harun Aminurrashid: Sumbangannya Terhadap Perkembangan Bahasa Melayu*. Tesis Master Sastera. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rozaid A. Rahman. (2012, Mac). DBP dan Media Setuju Bentuk Panel Khas Pertingkatkan Persuratan Kreatif. *The Star*. <http://www.mstar.com.my/berita/berita-semasa/2012/03/15/dbp-dan-mediasetuju-bentuk-panel-khas-pertingkatkan-persuratan-kreatif/>.
- S. Sururudin. (2010). Konsep Bahagia: Analisis Terhadap Pemikiran Plato. *Jurnal Media Akademika*, 25(2), 230-764.
- Salihahs Razak. (2013). *Pemikiran Politik dalam Novel Shahnon Ahmad*. Tesis Ijazah Sarjana Muda Sastera. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Shahizan Hasan *et. al.* (2005). *Komunikasi Kaunseling*. Kuala Lumpur: PTS
- Shamsiah Md Nasir dan Nil Farakh Sulaiman. (2015). Pemikiran Reflektif: Meneroka Amalan Pemikiran Siswa Pendidik. *Jurnal Personalia Pelajar*, 18(2), 61-68.
- Shamsinor Yunus. (2002). *Analisis Pemikiran dalam Novel-novel Hadiah Melayu Baru*. Tesis Master Sastera. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Suharne Zainudin. (2012 November 26). Mengapa Guna Bahasa Asing? *Sinar Harian*. <http://www.sinarharian.com.my>.
- Suharne Zainudin. (2012, November 28). Isu Pengambilan Bahasa Asing. *Sinar Harian*. <http://www.sinarharian.com.my>.
- Talib Samat. (2002). *Sastera di antara Percikan Pengurusan dan Kemanusiaan. Pemikiran Bahasa Zulkifli Muhammad*. Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Talinah Jeman dan Norazlina Kiram. (2010). Pemerksaan Bahasa Melayu sebagai Pembinaan Negara Bangsa. *Bahasa dan Budaya Melayu dalam Konteks Negara Bangsa*. Serdang: Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia. (54-63).
- Ting Hua Lui. (2009). *Sumbangan Raja Ali Haji terhadap Ilmu Tatabahasa Bahasa Melayu*. Tesis Master. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu Universiti Malaya.
- Wan Mohd Nor Wan Daud. (2005). *Falsafah dan Amalan Pendidikan Islam Syed M. Naqib Al-Attas: Satu Huraian Konsep Asli Islamisasi*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Zaharani Ahmad, Nor Hashimah Jalaluddin, Fazal Mohamed Mohamed Sultan, Harishon Radzi & Mohd Shabri Yusof. (2011). Pemerksaan Jati Diri Bahasa Melayu: Isu Penyerapan Kata Asing. *Jurnal Melayu*, 6, 13-27.

Zulkifli Hasan. (2013). Yusuf Al-Qaradawi dan Sumbangan Pemikirannya. *Global Journal Al-Thaqafah.*, 3, (51-65).

Zurihan Yusof dan Hasnah Mohamad. (2010). Pemerksaan Bahasa Melayu Cabaran dalam Pelaksanaannya. *Bahasa dan Budaya Melayu dalam Konteks Negara Bangsa*. Serdang: Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia. (135-145).